JABATAN PELAJARAN MELAKA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SELARAS
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA TAHUN 2009

EKONOMI ASAS

Kertas 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian:* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B**.
2. *Jawab* **tiga** *soalan* daripada **Bahagian A** *dan* **satu** *soalan di* **Bahagian B**.
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan adalah dibenarkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

 ©2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Melaka

Bahagian A

[75 *markah*]

Jawab **tiga** *soalan sahaja.*

Unit A

Unit B



Unit C

Gambar 1

1 (a) Terangkan masalah ekonomi yang dihadapi oleh ketiga-tiga unit ekonomi di atas. [9 markah]



Gambar 2

(b)

i. Apakah sistem ekonomi yang diamalkan oleh negara X dan Y? [2 markah]

ii. Bagaimanakah kedua-dua negara tersebut menyelesaikan masalah asas ekonomi? [9 markah]

(c)

IKLAN JAWATAN KOSONG

JURUTERA

ANDA MEMERLUKAN PEKERJAAN SEBAGAI JURUTERA?

Syarat-syarat yang diperlukan:

- **Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dengan Kepujian**
- **Pengalaman Bekerja 2 tahun**

KELEBIHAN YANG DIPEROLEHI, JIKA BEKERJA DI SYARIKAT KAMI

- **Gaji, RM 3500.00**
- **Perubatan percuma**
- **Elaun kerja lebih masa**

Hantarkan permohonan anda ke alamat
Syarikat Maju ZAR,
No 580-A, Jalan Semarak
76600 Melaka. No Tel: 06 1234567

Berdasarkan pernyataan di atas jelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi individu memilih pekerjaan sebagai jurutera? [5 markah]

2.

Pendapatan Puan Suraya pada bulan Jun ialah sebanyak RM3 000.00. Tetapi beliau telah membuat perbelanjaan pada bulan itu sebanyak RM3 500.00. Keadaan ini telah menyebabkan beliau terpaksa meminjam daripada rakan-rakannya untuk menampung perbelanjaan yang berlebihan.

Soalan berikut berdasarkan kepada petikan di atas:

(a) i. Apakah yang perlu dilakukan oleh Pn Suraya supaya beliau tidak meminjam daripada rakan-rakan beliau pada bulan yang berikutnya? [1 markah]

ii. Berdasarkan contoh yang sesuai, cadangkan satu penyata pendapatan dan perbelanjaan bagi membantu Puan Suraya merancang belanjawannya.[8 markah]

(b) Rajah di bawah ini menunjukkan keluk permintaan terhadap komputer tempatan pada tahun 2009.



i. Apakah yang ditunjukkan oleh perubahan keluk DoDo ke D_1 D_1 ? [1 markah]

ii. Jelaskan mengapa keluk tersebut bergerak dari DoDo ke D_1D_1 [8 markah]

(c) Jadual di bawah ini menunjukkan darjah keanjalan harga permintaan bagi tiga jenis barang ,W,X , dan Y.

Jenis Barang	Barang W	Barang X	Barang Y
Darjah Keanjalan	1.5	0.1	1.0

i Terangkan jenis keanjalan barang W , X ,dan Y . [7 markah]

3.

Input Tetap (mesin/unit)	Input Berubah (Buruh/orang)	Jumlah Keluaran (unit)	Keluaran Sut (unit)	Keluaran Purata (unit)
10	0	0	0	-
10	10	45	4.5	4.5
10	20	105	6	5.25
10	30	245	*W*	8.17
10	40	385	4	Y
10	50	420	*X*	8.40
10	60	450	3	Z
10	70	450	0	6.47
10	80	420	-3	5.25

(a) Berdasarkan jadual fungsi pengeluaran jangka pendek di atas, lengkapkan dan terangkan hubungan antara jumlah keluaran dengan keluaran purata dan keluaran sut. [9 markah]

(b) Maklumat di bawah berkaitan dengan Encik Samad dan Encik Koh.

Encik Samad seorang penguasaha roti dan kek .
Beliau mendapat bekalan bahan-bahan mentah seperti tepung , gula dan serbuk penaik daripada Encik Koh yang juga merupakan pengguna roti dan kek.

Lukiskan rajah aliran pusingan pendapatan ekonomi dua sektor untuk menggambarkan keadaan di atas . [10 markah]

(c) Huraikan fungsi wang? [6 markah]

4 (a) Selain bank perdagangan, syarikat kewangan turut memainkan peranan dalam pembangunan ekonomi Negara.Jelaskan persamaan antara kedua-dua institusi kewangan itu? [8 markah]

"Akibat kegawatan ekonomi yang sedang melanda dunia kini sekurang-kurangnya 50,000 orang pekerja di sektor swasta di Negara ini telah diberhentikan kerja"

(b) Berdasarkan pernyataan di atas, terangkan cara bagaimana bank negara boleh mengawal aliran wang bagi mengatasi situasi itu?

[10 markah]

(c) i Bagaimanakah kerajaan membelanjakan hasil yang diperolehnya setiap tahun?

[3 markah]

ii Terangkan bagaimana kerajaan mengatasi masalah kurangan dalam belanjawan?

[4 markah]



Jenis pengangkutan A



Jenis pengangkutan B

Gambar 3

Soalan 5 (a) berdasarkan gambar 3 di atas

5 (a) Berdasarkan gambar 3 di atas, terangkan perbezaan perdagangan yang dijalankan oleh jenis pengangkutan A dengan jenis pengangkutan B. [15 markah]

(b) Nyatakan tiga jenis sekatan perdagangan antarabangsa. [3 markah]

(c) Jadual 1 di bawah menunjukkan kadar pertukaran asing Ringgit Malaysia.

Tahun	Kadar Pertukaran Asing Ringgit Malaysia
2003	RM3.60 = US1
2004	RM3.40 = US1

Jadual 1

Terangkan kesan perubahan kadar pertukaran asing Ringgit Malaysia seperti dalam jadual 1 ke atas imbangan dagangan Malaysia. [7 markah]

Bahagian B

Bahagian ini wajib dijawab

Syarikat Waja Enterprise (SWE) adalah sebuah syarikat milik bumiputera sepenuhnya yang menjalankan perniagaan mengimport komponen kereta sejak tahun 2003. Syarikat ini mempunyai hubungan dagang dengan syarikat pembekal komponen kereta di luar negara seperti Singapura dan Hong Kong. Sepanjang tahun tersebut, SWE menggunakan sumber pengeluaran seperti dalam jadual berikut:

Butiran	Amaun (RM)
Sewa kilang	240 000
Insurans kilang	200 000
Gaji pekerja	300 000
Elektrik dan air	18 000
Kos Pengangkutan	75 000

Sejak penubuhannya, perniagaan SWE mendapat sambutan daripada syarikat- syarikat tempatan. Permintaan terhadap komponen kereta yang diimport oleh SWE meningkat dari setahun ke setahun. Peningkatan permintaan yang memberangsangkan ini memberi keuntungan yang besar kepada SWE. Walaupun begitu, SWE perlu membayar sebanyak 25% daripada keuntungannya kepada kerajaan setiap tahun.

Selain perubahan permintaan, keuntungan SWE juga bergantung kepada perubahan pertukaran asing dari semasa ke semasa. Hal ini kerana perubahan kadar pertukaran asing bagi Ringgit Malaysia berbanding Dollar Singapura dan Dollar Hong Kong amat memberi kesan kepada penduduk dan pengusaha negara-negara tersebut. Perubahan kadar pertukaran asing tersebut juga memberi kesan kepada pelancong dan pengusaha asing.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut:

a. Kenalpasti dan hitungkan kedua-dua jenis kos yang ditanggung oleh syarikat itu.

[5 markah]

b. i. Nyatakan jenis cukai yang dibayar oleh SWE.

ii. Terangkan kepentingan cukai tersebut kepada negara.

[7 markah]

Soalan berdasarkan jadual kadar pertukaran asing berikut.

Tahun	Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia dengan seunit mata wang asing	
	1 Dollar Singapura	1 Dollar Hong Kong
2005	RM2.50	RM2.75
2006	RM2.40	RM2.90

c. Berdasarkan jadual,

i. Hitungkan berapakah harga komponen kereta yang perlu dibayar (dalam Dollar HK dan Dollar S) sekiranya SWE membayar RM 100 000 kepada pembekal Hong Kong dan Singapura pada tahun 2006.

[4 markah]

ii. Berdasarkan jadual kadar pertukaran Ringgit Malaysia dari tahun 2005 kepada 2006, bincangkan kesan perubahan kadar pertukaran asing terhadap kegiatan perdagangan antarabangsa. [9 markah]